

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]

**TARIKH :** 18.3.2015

**SOALAN :**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kuota pengambilan pelajar lepasan SPM/ STPM/ graduan kolej tempatan dari Sarawak untuk masuk ke institut pendidikan dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Apakah masalah sebenarnya yang menyebabkan Sarawak tidak mempunyai cukup guru yang berasal dari Sarawak untuk ditempatkan di sekolah-sekolah di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelayakan masuk ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) merangkumi kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, Asasi IPTA, Diploma IPTA/Politeknik/ILKA/IPTS, GCE A-Level, International Baccalaureate Diploma (IBD) dan kelayakan lain yang diiktiraf oleh kerajaan serta diperaku oleh Senat Universiti.

Calon-calon akan dipertimbangkan dengan menggunakan pakai prinsip meritokrasi, iaitu dengan menggunakan pakai 90 peratus markah akademik

dan 10 peratus markah kokurikulum. Penawaran tempat kepada calon boleh dipertimbangkan tertakluk kepada pematuhan syarat am universiti, syarat khas program pengajian yang telah ditetapkan, mendapat perakuan dari Senat Universiti yang berkaitan serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Proses temuduga turut dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu dan bagi memastikan mereka mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan. Ini bermakna, pencapaian akademik yang cemerlang sahaja tidak menjamin kejayaan calon untuk mendapat tempat di IPTA.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedaya upaya cuba memastikan lebih ramai anak-anak Sarawak dilatih menjadi guru untuk berkhidmat di negari kelahiran mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan yang diterima daripada anak-anak Negeri Sarawak bagi mengikuti PPISMP di Institut Pendidikan Guru Ambilan Jun 2014 ialah 5,292 orang calon. Daripada jumlah tersebut hanya seramai 398 calon telah berjaya ditawarkan pengajian di IPG bagi mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2014 di IPG KPM.

Antara sebab calon tidak ditawarkan adalah kerana tidak lulus beberapa tapisan kemasukan ke IPG selain bilangan calon yang terlalu ramai bertumpu kepada bidang-bidang tertentu sahaja. Manakala lebihan calon tidak dapat ditawarkan ke bidang lain atas sebab-sebab tidak mempunyai

skor amali (Pendidikan Jasmani/Muzik/Pendidikan Islam/Bahasa Arab) dan tidak memenuhi syarat bidang lain.

Pengambilan guru untuk berkhidmat di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah dibuat melalui kaedah pelantikan tetap di mana calon-calon yang memenuhi syarat dan lulus temuduga Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akan ditawarkan pelantikan dan penempatan berdasarkan kepada kepentingan perkhidmatan, kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di setiap negeri.

Secara prinsipnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan bagi menempatkan guru kelahiran dari negeri Sarawak untuk mengisi kekosongan jawatan di negeri tersebut dan pada masa yang sama KPM perlu memastikan penempatan dan pertukaran guru dilaksanakan berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 25 Februari 2015, terdapat seramai 20,912 orang atau 77.9 peratus guru berasal dari Sarawak berbanding keseluruhan 26,848 orang guru terlatih yang mengajar di sekolah-sekolah rendah di seluruh negeri Sarawak. Manakala di peringkat sekolah menengah pula, daripada keseluruhan 15,969 orang guru terlatih, seramai 11,560 orang atau 72.4 peratus guru berasal daripada Sarawak. Berdasarkan peratus anak tempatan yang mengajar di Sarawak yang melebihi 70 peratus, isu tidak mempunyai cukup guru yang berasal dari Sarawak untuk ditempatkan di sekolah-sekolah di Sarawak tidak timbul kerana Kementerian juga perlu mengekalkan dasar integrasi nasional yang diamalkan selama ini.